

Politik stabil mengeluarkan negara daripada igauan krisis lampau

• Dalam tempoh tiga tahun, ekonomi Malaysia kekal berkembang dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekitar 4 peratus hingga 5 peratus, disokong defisit fiskal yang terus menurun dan sasaran menuju 3 peratus

• Kedudukan ringgit kembali mengukuh dan menjadi antara mata wang terbaik di Asia serta peningkatan daya saing global ke tangga 23 menggambarkan keyakinan pelabur terhadap kestabilan politik dan hala tuju ekonomi negara

Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my



Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Setelah tiga tahun Kerajaan MADANI memegang tampuk pemerintahan negara, pentadbiran ini sampai ke satu titik muhasabah penting.

Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Perasmian Penutupan Program Rancangan Madani Putrajaya, kelmarin menjelaskan tiga teras utama pencapaian Kerajaan MADANI, iaitu pengukuhan ekonomi dan kewangan negara, pemerikasaan rakyat di akar umbi serta reformasi institusi dan tadbir urus.

Dalam tempoh tiga tahun, ekonomi Malaysia kekal berkembang dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekitar 4 peratus hingga 5 peratus, disokong defisit fiskal yang terus menurun dan sasaran menuju 3 peratus.

Malaysia kini mencatat peningkatan perdagangan kumulatif sehingga melebihi RM2 trilion, dengan pelaburan asing dan domestik, terutama dalam sektor digital dan semikonduktor berada pada tahap amat memberangsangkan.

Kedudukan ringgit kembali mengukuh dan menjadi antara mata wang terbaik di Asia serta peningkatan daya saing global ke tangga 23 menggambarkan keyakinan pelabur terhadap kestabilan politik dan hala tuju ekonomi negara.

Kerajaan hari ini mewarisi hutang negara mencecah lebih RM1 trilion dan tunggakan bayaran kepada syarikat berbilion ringgit. Namun, hutang baharu kerajaan kini semakin berkurang setiap tahun dan pembayaran dibuat secara berperingkat dengan tekad moral untuk tidak membiarkan kerajaan 'berhutang dengan rakyat'.

Reformasi subsidi menjadi contoh utama pendekatan berhemat, tetapi berjiwa rakyat. Penstrukturan semula subsidi elektrik, ayam, diesel, telur dan RON95 dilakukan secara berperingkat untuk mengurangkan ketirisan serta menyelaraskan bantuan kepada yang benar-benar memerlukan.

Langkah menjimatkan RM15.5 bilion daripada ketirisan subsidi dan penyeludupan pula disalurkan semula kepada rakyat melalui pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan bantuan tunai.

Kerajaan juga mendengar keresahan rakyat dan peniaga kecil. Dalam isu e-Invois, misalnya, Perdana Menteri mengumumkan kenaikan ambang daripada RM500,000 kepada RM1 juta supaya perniagaan mikro dan kecil tidak terlalu terbeban.

Begitu juga dalam urusan cukai, kerajaan memperuntukkan hingga RM4 bilion untuk bayaran

balik lebihan kutipan cukai kepada pembayar yang layak, satu isyarat jelas kerajaan tidak boleh menjadikan rakyat sebagai 'pemiutang senyap' negara.

Tiga tahun Kerajaan MADANI juga menyaksikan Malaysia memasuki fasa baharu dalam ekonomi berasaskan teknologi dan inovasi. Pelaburan digital melebihi RM331 bilion mewujudkan lebih 105,000 pekerjaan baharu, terutama dalam sektor semikonduktor dan pemasangan cip, menjadikan Malaysia antara pemain global penting dalam rantai bekalan teknologi dunia.

Penubuhan Pejabat Kecerdasan Buatan (AI) Nasional (NAIO) dan pelancaran ILMU - model AI pelbagai mod pertama Malaysia - menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk membina keupayaan sendiri. Polisi Komputasi Awan Nasional (NCCP) pula menjadi tulang belakang transformasi digital kerajaan dan sektor awam.

“Tiga teras utama pencapaian Kerajaan MADANI, iaitu pengukuhan ekonomi dan kewangan negara, pemerikasaan rakyat di akar umbi serta reformasi institusi dan tadbir urus”

Pada masa sama, komitmen terhadap peralihan tenaga hijau diterjemah melalui Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), skim Program Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS), platform e-Mobility serta projek tenaga boleh baharu seperti program Solar Berskala Besar 5 (LSS5) dan solar terapung hidro.

Falsafah Kerajaan MADANI

Pencapaian 30 peratus tenaga boleh baharu setakat 2025 menjadi langkah penting ke arah sasaran 70 peratus menjelang 2050 dan status sifar karbon. Ini konsisten dengan gagasan MADANI yang menekankan kemampuan sebagai teras.

Falsafah Kerajaan MADANI menyantuni rakyat paling ketara melalui pelbagai bentuk bantuan langsung dan program komuniti. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) kini memberikan bantuan sehingga RM4,600 setahun kepada isi rumah termiskin dengan 8.8 juta penerima STR dan 5.4 juta penerima SARA. Warga

emas dan golongan bujang berpendapatan rendah turut diberi perhatian.

Dalam sektor pendidikan, bantuan awal persekolahan dinaikkan kepada RM150 untuk 5.4 juta murid, di samping insentif lain seperti bas percuma kepada penuntut universiti, kenaikan elaun Guru Kafa dan siswa institut pendidikan guru (IPG).

Bagi petani dan nelayan, kenaikan harga lantai padi kepada RM1,500/MT, penambahan skim subsidi, insentif getah dan eraun nelayan memperlihatkan kesungguhan kerajaan mengangakat sektor makanan dan luar bandar.

Program seperti Kampung Angkat MADANI, Sekolah Angkat MADANI, Sejahtera MADANI, Santuni MADANI dan Sejahtera MADANI menjadi instrumen di lapangan untuk memastikan tiada komuniti yang 'tersisih dan tertinggal'.

Kerajaan MADANI turut memberi tumpuan kepada pembaharuan struktur dan budaya pentadbiran. Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) dan Reformasi Kerajaan Birokrasi (RKB) yang berkembang daripada 200 kepada 500 projek pada 2025 memfokuskan pemudahan urusan rakyat dan pelabur. Inisiatif seperti SmartGPB dan Xpats Gateway memudahkan prosedur, mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepat proses kelulusan.

Di peringkat perundangan dan dasar, pelbagai akta baharu dan pindaan digerakkan, antaranya Akta Kewangan Awam & Tanggungjawab Fiskal 2023, Akta Keselamatan Dalam Talian, Akta Perkongsian Data dan Akta Media Malaysia.

Reformasi dalam sistem keadilan, termasuk penagihan dadah, kewarganegaraan dan Kanun Tatacara Jenayah, menunjukkan usaha menyeluruh ke arah sistem yang lebih adil dan manusiawi.

Begitu juga dengan usaha mengukuhkan integriti melalui peranan badan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta penguatkuasaan Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan dan cadangan penubuhan Ombudsman.

Ringkasnya, tiga tahun pertama Kerajaan MADANI menunjukkan dengan jelas bahawa politik, Malaysia mampu keluar daripada bayang-bayang krisis lampau dan melangkah sebagai negara dagang kukuh, makmur dan berjiwa ihsan.

Cabaran masih banyak, tetapi jika prestasi dan pembaharuan berterusan seperti digariskan dalam ucapan Perdana Menteri dapat diteruskan, cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara hebat di Asia bukanlah mustahil.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH